

## GSMA Mengetengahkan Embedded Mobile Initiative dengan Pelancaran Pertandingan

LONDON, 30 Jun /PRNewswire/ -- GSMA hari ini mengumumkan perkembangan baru dalam Embedded Mobile Initiative miliknya, termasuk usaha menubuhkan garis panduan reka bentuk standard bagi aplikasi komunikasi mudah alih terbenam dan permulaan pertandingan bagi memacu perkembangan dalam pasaran komunikasi mudah alih terbenam. Matlamat program Embedded Mobile, yang dilancarkan pada November 2008, adalah untuk memupuk peluang perniagaan baru dalam sektor tenaga bersih, pendidikan, penjagaan kesihatan, pengangkutan, elektronik pengguna dan utiliti pintar.

"Manfaat komunikasi mudah alih terbenam kepada perniagaan dan pengguna hampir tidak berpenghujung, bermula dari membolehkan keluarga yang sedang mengembara menghantar gambar percutian kepada saudara-mara di rumah dengan mudah, kepada membantu syarikat penjualan menjejaki paras stok secara automatik dan mengendalikan status mesin-mesinnya, kepada membolehkan syarikat tenaga mengutip data secara jarak jauh merentasi meter dan grid tenaga," ulas Michael O'Hara, Ketua Pegawai Pemasaran bagi GSMA. "Seperti yang ditunjukkan oleh program yang diumumkan hari ini, kami benar-benar fokus untuk mengurangkan pemecahan industri dalam menyampaikan penyelesaian komunikasi mudah alih terbenam, memudahkan ekonomi bidangan dalam reka bentuk dan pembuatan dan memacu kesedaran silang industri terhadap reka bentuk modul."

Bagi menggalakkan lagi pembangunan pasaran komunikasi mudah alih terbenam, GSMA melancarkan sebuah pertandingan yang bermatlamat mengenal pasti modul terbenam yang terbaik dalam kelasnya dalam beberapa kategori, serta aplikasi dan penyelesaian perkhidmatan komunikasi mudah alih. Peringkat pertama pertandingan ini, yang memberi fokus kepada modul terbenam terkemuka, akan diadakan di Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih pada November 2009. Peringkat kedua pertandingan ini pula akan mempamerkan aplikasi perkhidmatan dan penyelesaian inovatif di Kongres Sedunia Komunikasi Mudah Alih di Barcelona pada Februari 2010.

"KT yakin bahawa pembabitan aktifnya dalam Embedded Mobile Initiative GSMA akan mencipta peluang yang lebih luas bagi pasaran ini," kata Hyunmi Yang, Naib Presiden Eksekutif & CSO, Personal Customer Group, KT Corp. "Kami juga yakin bahawa pelancaran pertandingan global sebagai sebahagian dari program ini bakal merangsang pembangunan pasaran M2M dan dapat membantu kami mengenal

pasti perkhidmatan komunikasi mudah alih baru yang bakal menjadi nilai sebenar kepada pelanggan kami. Embedded Mobile Initiative GSMA bakal membolehkan wadah komunikasi segera untuk alat harian melalui rangkaian komunikasi mudah alih, serta kami percaya bahawa rangkaian komunikasi mudah alih bakal menjadi pemudah cara utama bagi memperkayakan kehidupan harian para pelanggan kami."

"Potensi penggunaan modul 3G terbenam adalah pelbagai dan memerlukan pembangunan perisian unik untuk setiap aplikasi," kata Ted Matsumoto, Naib Presiden Eksekutif Kanan, SoftBank Mobile Corp. "Kos modul adalah faktor penting bagi membantu menjadikan aplikasi ini diterima oleh sebilangan besar pengguna, jadi kita patut mengelakkan pemecahan reka bentuk perkakasan modul sebanyak yang mungkin. Bekerja dengan vendor peralatan dan chipset, GSMA bakal membantu mencapai matlamat ini."

Bagi memudahkan penciptaan sebilangan besar aplikasi komunikasi mudah alih terbenam baru, GSMA turut mengumumkan bahawa ia telah memulakan usaha berterusan dalam program Embedded Mobile bagi membangun dan menerbitkan satu set garis panduan reka bentuk untuk aplikasi kategori utama, seperti alat kesihatan, kereta, meter pintar dan pengguna. Ini adalah inisiatif bersama yang melibatkan wakil operator komunikasi mudah alih dan vendor modul dari seluruh dunia. GSMA berharap dapat menjadikan garis panduan reka bentuk ini sedia diperolehi pada November 2009.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang pertandingan Embedded Mobile, termasuk kriteria dan garis panduan penyertaan, sila layari [www.gsmworld.com/embeddedmobile](http://www.gsmworld.com/embeddedmobile)

#### Tentang GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih sedunia. Merentasi 219 buah negara, GSMA menyatukan hampir 800 buah operator komunikasi mudah alih dunia, serta 200 syarikat dalam ekosistem komunikasi mudah alih yang lebih luas, termasuk pembuat telefon bimbit, syarikat perisian, pembekal peralatan, syarikat Internet, dan organisasi hiburan dan media. GSMA fokus dalam menginovasi, merangsang dan mencipta peluang baru bagi keahliannya, semuanya dengan matlamat akhir untuk memacu perkembangan industri komunikasi mudah alih.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari <http://www.gsmworld.com>.

SUMBER GSMA

PERHUBUNGAN: Daniel Lowther dari GSMA, +44-7747-636-687, [press@gsm.org](mailto:press@gsm.org)